

Soalan 1 hingga 5

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Empat kawasan **tukun tiruan** dibina di Kota Bharu dan Semerak untuk faedah lebih tujuh ribu nelayan bubu dan nelayan tradisional di negeri ini.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia cawangan Kelantan, Encik Hashim Muda berkata, dengan adanya tukun tiruan itu, nelayan-nelayan berkenaan dapat meneruskan pekerjaan menangkap ikan dan memancing walaupun pada musim banjir.

Tukun-tukun itu dibina sejak tahun lalu dari tayar-tayar buruk dengan menelan belanja sebanyak RM 56 000.00. Tahun ini, pihak berkenaan mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM 30 000.00 bagi projek yang sama.

Kawasan pembinaan tukun-tukun itu akan diperbesarkan dari masa ke semasa bagi **mengurangkan perbelanjaan** nelayan pantai membina tukun sendiri. Langkah ini akan dapat membantu mengurangkan beban dan masalah yang dihadapi oleh nelayan kecil.

Sebelum ini, nelayan-nelayan tradisional menggunakan daun kelapa untuk membina tukun-tukun mereka yang hanya tahan beberapa tahun sahaja berbanding dengan tukun tayar getah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *tukun tiruan* ?
 - A. Tukun yang tidak asli, tempat ikan bermain.
 - B. Tukun yang dibina daripada tayar buruk.
 - C. Tukun yang dibina daripada daun kelapa.
 - D. Tempat ikan bermain di bawah tayar kereta.
2. Nelayan tradisional ialah ...
 - A. Nelayan kecil yang menggunakan sampan.
 - B. Nelayan yang menggunakan teknik moden.
 - C. Nelayan bot kecil yang menggunakan tuba.
 - D. Nelayan yang menangkap ikan dengan cara lama.
3. Apa pentingnya tukun tiruan kepada nelayan bubu dan nelayan tradisional ?
 - A. Memukat banyak ikan di kawasan tukun.
 - B. Peluang nelayan memancing ikan di waktu kemarau.
 - C. Memelihara dan mengumpul seberapa banyak ikan.
 - D. Nelayan dapat menangkap ikan di musim tengkujuh.
4. Kenapakah tukun tiruan lebih tahan lama berbanding dengan tukun daun kelapa ?
 - A. Tayar getah tidak reput dengan air masin.
 - B. Tukun daun kelapa mudah reput dan hancur.
 - C. Tukun tayar buruk tahan lama lagi.
 - D. Daun kelapa sama seperti tayar getah.
5. Maksud *mengurangkan perbelanjaan* ialah ...
 - A. Meringankan bebanan nelayan.
 - B. Membantu perbelanjaan nelayan.
 - C. Menolong kehidupan nelayan.
 - D. Memberi wang kepada nelayan.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Semua orang kenal pokok kelapa. Aku berasal daripada salah satu bahagian pokok kelapa iaitu lidi. Bahagian-bahagian lain pada pokok kelapa ialah batang, akar, buah, sabut, daun dan lain-lain. Semua bahagian ini mempunyai *keistimewaannya* yang tersendiri.

Aku digunakan oleh manusia sebagai penyapu. Mulanya aku diraut untuk mengasingkan aku daripada daun. Mereka meraut aku dengan pisau. Aku dihimpun satu demi satu. Setelah banyak, aku diikat kuat-kuat dan menjadi sebatang penyapu.

Di kampung atau di bandar, ramai orang menggunakan aku untuk mengumpul sampah sarap dan tidak kurang pula untuk memukul kucing, anjing dan lalat.

Selalunya orang meletakkan aku di tempat-tempat yang sempit, sunyi dan kotor. Kadang-kadang aku diletakkan di celah almari, dalam bilik air, dalam tandas dan sebagainya. Kadang-kadang aku ditemani oleh penyapu yang dibuat daripada bahan-bahan lain.

Apabila aku sudah reput, mereka membuang aku di tempat longgokan sampah. Tidak lama kemudian aku dibakar menjadi abu.

6. Apakah keistimewaan lidi berdasarkan kepada petikan di atas ?
 - A. Dijadikan sebagai pencucuk sate.
 - B. Dijadikan sebagai alat pembilang.
 - C. Dijadikan penyapu untuk menyapu sampah.
 - D. Untuk memukul kanak-kanak nakal.
7. bagaimanakah penyapu diproses ?
 - A. Diraut dan diasingkan daripada daun.
 - B. Diasingkan, diraut dan diikat semuanya.
 - C. Diraut, dihimpun satu demi satu dan diikat.
 - D. Dihimpun, diraut dan diikat semuanya.
8. Siapakah yang menjadi mangsa penyapu lidi ?
 - A. Habuk yang berterbangan.
 - B. Sampah sarap yang banyak.
 - C. Kucing, anjing dan lalat.
 - D. Kegunaan-kegunaan lidi kelapa.
9. Apakah tajuk yang sesuai untuk petikan di atas ?
 - A. Kelebihan lidi kepada manusia
 - B. Aku sebatang penyapu lidi
 - C. Lidi boleh dijadikan penyapu
 - D. Kegunaan-kegunaan lidi kelapa
10. Maksud *keistimewaan* berdasarkan petikan di atas ialah ...
 - A. Perlu
 - B. Keperluannya
 - C. Kegunaannya
 - D. Penting

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.

Pada suatu pagi. Di atas meja yang berselerak dengan pinggan mangkuk kotor.

- Lalat : Oh, kau semut ! Cepat kau tiba.
Semut : Sejak malam tadi aku sudah tunggu di bawah meja. Manalah aku ada tenaga nak berjalan cepat-cepat ! lainlah macam kau boleh terbang. Sekejap dah sampai.
Lipas : Oi, Lalat ! Semut ! Dah jumpa rezeki tu, jangan lupakan aku. Simpanlah sikit untuk aku.
Lalat : Oh, Lipas pun ada ! Marilah, jangan duduk bersembunyi di belakang almari tu. Jangan takut. Tuan rumah ni tak ada. Dia keluar ke pasar barangkali.
Lipas : Macam mana aku nak keluar ? Aku tak nampak. Silau mataku bila kena cahaya.
Semut : Jangan susah Lipas. Nanti aku dan kawan-kawan bawakan

sedikit makanan untuk kau.

Nyamuk : Oh, mengantuknya !

Lalat : Eh, Nyamuk ! Kau dari mana ni ?

Nyamuk : Aku dari bilik tidur. Aku terjaga bila mendengar kau orang riuh rendah. Ini Lipaslah punya hal.

Lipas : Apa ada kena mengena dengan aku pula ?

Nyamuk : Kau pemalas, pengotor, pencuri dan nak jadi tuan saja. Datanglah sendiri. Ikut macam aku. Aku bukan macam kau. Aku cari darah manusia. Oh, enak sungguh !

Lipas : Waktu siang begini kau bolehlah berkata begitu pada aku. Tunggu waktu malam. Aku akan ajar kau nanti.

Lalat : Diam ! Dengar tu. Tuan rumah dah balik. Lari semua.

Nyamuk : Aku tak mahu lari. Aku lapar. Aku nak hisap darahnya. Sejak malam tadi lagi aku berusaha nak hisap darahnya, tapi tak dapat. Sekarang dia datang. Ini peluang aku. Kau semua tengok.

11. Mengapa semut cepat sampai ?
 - A. Ia cepat berjalan
 - B. Ia boleh terbang
 - C. Ia banyak tenaga
 - D. Ia menunggu sejak malam tadi
12. Apakah sebab lipas takut hendak keluar ?
 - A. Ia takut tuan rumah
 - B. Ia takutkan nyamuk
 - C. Ia takutkan lalat
 - D. Ia takutkan cahaya
13. Dialog yang manakah menunjukkan kata-kata yang tidak sombong ?
 - A. Aku tak makan macam kau.
 - B. Aku nak hisap darahnya.
 - C. Kau semua tengok.
 - D. Silau mataku bila kena cahaya.
14. Pada fikiran kamu, siapakah yang paling baik hatinya ?
 - A. Semut
 - B. Lalat
 - C. Lipas
 - D. Nyamuk
15. Apakah maksud Nyamuk berkata : "Kau semua tengok." ?
 - A. Ia hendak tunjukkan kekuatannya.
 - B. Ia hendak lari.
 - C. Ia suruh melihat ada manusia.
 - D. Ia suruh melihat sahaja.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ketika kecil kita dijaga
 Dengan penuh jiwa dan raga
 Memberi manja tidak terkira
 Ibarat emas yang berharga

Melatih berjalan setiap hari
 Sambil berjalan sambil berlari

Supaya dapat berbuat sendiri
Dengan demikian dapat berdikari
Tidak jemu memberi didikan
Sehingga anaknya penuh bersopan
Tahu menilai ya dan bukan
Hingga ibu sanggup berkorban

Ingatlah wahai sekalian kamu
Menolong ibu janganlah jemu
Lebihkan ibu dari temanmu
Kerana itu satu tugasmu.

16. Bagaimanakah kita dijaga ?
- A. Dengan penuh jiwa dan raga
 - B. Dengan emas yang berharga
 - C. Dengan tidak diberi manja
 - D. Dengan berjalan setiap hari
17. Siapakah `ibarat emas yang berharga' ?
- A. Nyawa anaknya
 - B. Anak
 - C. Adik beradik
 - D. Ibu kandung
18. Apakah pula tugas seorang anak ?
- A. Mendidik keluarganya
 - B. Menolong ibunya
 - C. Mengajar berlari
 - D. Membuat kerja sendiri
19. Tajuk yang sesuai untuk syair di atas ialah ...
- A. Tugas Ibu
 - B. Tugas
 - C. Waktu Kecil
 - D. Berdikari
20. Apakah maksud ungkapan *ibarat emas yang berharga* ?
- A. Semata-mata diberi manja
 - B. Boleh berdikari
 - C. Sedia menolong ibu
 - D. Di asuh penuh kasih sayang

Soalan 21 hingga Soalan 25

Isikan tempat kosong dengan **kata ganda** yang sesuai.

21. Hidup berjiran mestilah mempunyai sifat antara kita semua.
- A. anak-beranak
 - B. tolong-menolong
 - C. saudara-mara
 - D. berbual-bual
22. Sebelum sampai ke puncak Kinabalu, kawasannya
- A. bersimpang-siur
 - B. beranak-pinak
 - C. berbelok-belok
 - D. berbukit-bukau

23. Serahkan saja perkara itu kepada Mak Andam.
A. bantu-membantu C. solek-menyolek
B. tolong-menolong D. berbual-berbual
24. Kami terpaksa membawa lampu suluh kerana dalam gua itu
A. bukit-bukau
B. gelap-gelita
C. gelap-gelap
D. cepat-cepat
25. Pembeli itu sedang harga dengan pekedai kain.
A. bercakap-cakap
B. bertukar-tukar
C. tawar-menawar
D. beli-membeli

Soalan 26 hingga Soalan 29

Pilih penambahan yang sesuai bagi perkataan bergaris.

26. Tanam utama negeri itu ialah lada hitam.
A. ter..... C. me.....
B.kan D.an
27. Dia telah melawat luruh Malaysia.
A. se..... C. ber.....
B.an D. ter.....
28. Sekolah akan cuti selama seminggu.
A. ber.... C. men....
B.an D.kan
29. Ahmad memenangi hadiah dua dalam pertandingan itu.
A. ber.... C. ...kan
B. ke.... D. ter....

Soalan 30 hingga Soalan 34

Isikan tempat kosong di dalam ayat-ayat di bawah.

30. Azizul seorang tentu terangkat barang yang itu.
A. boleh , banyak C. tidak , berat
B. susah , kecil D. malu , comel
31. Katanya dia akan datang pada ini tetapi hingga pun dia belum tiba.
A. waktu , sekarang C. tempat , di sini
B. petang , pagi D. malam , jauh
32. Sekolah saya akan mengadakan sukan tahunannya pada minggu hadapan.
A. cara C. temasya
B. majlis D. istiadat
33. Dia selalu ibunya membuat kerja-kerja rumah.
A. mengacau C. melihat
B. mambantu D. meringan

34. Orang yang kemalangan itu telah mati dalam ke rumah sakit.
A. perjalanan
B. pembawaan
C. pemergian
D. pemerhatian

Soalan 35 hingga Soalan 39

Pilih **penjodoh bilangan** yang sesuai bagi tempat-tempat kosong dalam ayat berikut.

35. Noor Malini memetik dua Bunga kemboja dari taman bunganya.
A. orang
B. utas
C. kuntum
D. papan
36. Tolong berikan saya se..... sabun.
A. buah
B. ulas
C. buku
D. patah
37. Dia diam membisu sahaja. Tiada kata pun yang diucapkan.
A. seulas
B. sepatah
C. sebaris
D. secebis
38. Dalam buah mempelam itu, tiada sebiji pun yang masak.
A. sejambak
B. sekuntum
C. sebelah
D. selongkok
39. Encik Abdul Rahman membawa jala untuk menangkap ikan di sungai itu.
A. serawan
B. segugus
C. sedepa
D. sejambak

Soalan 40 hingga Soalan 44

Penuhi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Kerja gotong-royong itu(40)..... pada pukul 8.00 pagi.
Ramai ibubapa yang hadir dengan membawa berbagai-bagai(41)...
yang sesuai untuk membersihkan kawasan di luar pagar sekolah.
Kawasan itu hendak(42)..... tapak pasar ria yang akan
.....(43).....pada hari(44).....ulang tahun kemerdekaan
Malaysia.

40. A. mula-mula
B. berterusan
C. bersempena
D. bermula
41. A. minuman
B. peralatan
C. cara
D. makanan
42. A. dijadikan
B. disemaikan
C. didirikan
D. ditanamkan
43. A. diraikan
B. dibersihkan
C. diadakan
D. ditanamkan
44. A. hari raya
B. awal
C. perayaan
D. diumumkan

Soalan 45 hingga Soalan 48

45. Dialog manakah yang menunjukkan *perasaan marah* ?
- “Mengapakah dia memanjat bukit itu ?”
 - “Kasihlah! Dia menangis tersedu-sedu.”
 - “Tempat ini kawasan larangan.”
 - “Jangan benarkan dia masuk.”
46. Dialog manakah bermaksud *pertanyaan* ?
- “Aduh! Aduh! Sakitnya badanku ini.”
 - “Bilakah dia datang ke sini ?”
 - “Merata-rata saya mencari tapi tidak berjumpa.”
 - “Kalau dia datang, katakan saya ada di sini.”
47. Dialog manakah yang *menunjukkan keluhan* ?
- “Saya tidak suruh pun ia datang ke sini.”
 - “Makanan yang keras hendaklah dikunyah betul-betul.”
 - “Aduhai ! Gagal lagi peperiksaan saya.”
 - “Tidak. Saya tidak mahu dengar cakapnya.”
48. Dialog manakah yang bermaksud *larangan* ?
- “Jangan-jangan dia yang mengambilnya.”
 - “Tidak dibenarkan memancing di kawasan ini.”
 - “Jangan biarkan dia menangis. Pujuklah.”
 - “Makanlah makanan yang bersih.”

Soalan 49 hingga Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

49. I Janganlah jual mahal, terima sahajalah pelawaannya itu.
 II Kita mesti mahal minum, jika tidak badan kita akan kekurangan air.
 III Harga kasut itu mahal dan ternyata sungguh cantik.
 IV Kata-katanya kasar sangat hingggakan mahal untuk didengar.
- I dan II sahaja
 - I dan III sahaja
 - I dan IV sahaja
 - II dan III sahaja
50. I Cuaca haus kerana sinaran matahari sangat terik.
 II “Rasa haus tekak ini, beri saya sedikit air,” kata Azeem.
 III Tayar bas itu sudah haus nampaknya.
 IV Keadaan haus di dahinya ditutupi dengan rambut.
- I dan II
 - II dan III
 - III dan IV
 - I dan IV

Kertas Soalan Tamat

<http://tatabahasabm.tripod.com>

